



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Harakah
Date	20/2/2012

## Defisit negara tidak turun Najib tipu rakyat

Oleh WAN NORDIN WAN YAACOB

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Razak yang juga Menteri Kewangan diberi amaran agar tidak terus membohongi rakyat menyatakan defisit negara telah turun.

Demikian tegas Ahli Parlimen Kuala Selangor, Dr Dzulkefly Ahmad kepada *Harakah* dalam satu kenyataannya 16 Februari lalu.

Beliau mengulas pengumuman Najib kononnya defisit turun dari 5.6 peratus pada 2010 kepada 5.0 peratus pada 2011.

Menyifatkan kenyataan Najib itu sebagai suatu 'temberang', ahli Parlimen Kuala Selangor itu berkata, kedudukan ekonomi negara semakin meruncing disebabkan sikap boros kerajaan berbelanja besar melalui cara *off-budget*.

Beliau yang juga Ahli Jawatankuasa PAS Pusat mengingatkan Najib melihat teladannya kepada negara Greek yang bankrap kerana berbelanja besar melalui cara *off-budget* atau *off-balance sheet*.

"Hal inilah yang diamalkan oleh Malaysia, kita bimbang akan berlaku demikian," katanya lagi,

Kerajaan Umno-BN berbelanja bukan sahaja menggunakan peruntukan dalam belanjawan tetapi juga di luar belanjawan atau perbelanjaan *off balance sheet*.

Ia dalam bentuk Liabiliti luar jangka (*contingent liabilities*) iaitu hutang kepada pihak Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) seperti IMDB, SPNB, PTPN, MAS dan lain-lain yang dijamin kerajaan pusat, ujarnya.

Beliau juga memaklumkan, angka defisit sebenar adalah jauh lebih besar sekali gus angka defisit fiskal juga berada pada peratus lebih tinggi nisbah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Beliau merujuk laporan Kementerian Kewangan yang melaporkan hutang *contingent liabilities* sudah ke paras RM97 bilion.

Ujar Dzulkefly, pertamanya hutang awam sebenarnya bukan RM456 bilion atau 53.5 peratus KNDK.

Sebaliknya ia sudah pun melepasi 63 peratus KDNK atau melepasi had hutang yang dizinkan oleh Akta



Dr Dzulkefly Ahmad

Pinjaman Kerajaan (1983) yang mengehendkan pinjaman kerajaan pusat terhadap pada paras 55 peratus dari KDNK, tegasnya.

"Maka pada hakikatnya Kerajaan BN-Najib sudah melepasi had 55 peratus KDNK!," katanya merujuk laporan The Edge FinancialDaily 16 Disember lalu dengan

tajuk muka depannya menyatakan hutang awam sudah tidak lagi mapan.

Najib sekali lagi mahu mengaburi mata rakyat dengan defisit fiskal (kewangan), katanya.

Selama 13 tahun kerajaan Umno-BN berterusan berbelanja dan berhutang besar sama ada semasa mewah dengan tidak menabung dan semasa ekonomi lembap dengan alasan mengepam ekonomi, katanya.

Beliau juga meminta Najib menerima hakikat bahawa negara berdepan dengan ekonomi dunia yang menguncup dan tidak menentu, maka adalah mustahak untuk menentukan keutamaan dalam berbelanja dan meringankan beban rakyat.